

DBKL nafi dakwaan jual 42 plot tanah

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menafikan dakwaan 42 plot tanah milik pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dijual sejak Tan Sri Annuar Musa dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan.

Jabatan Perancangan Korporat DBKL, berkata semakan mendapati pemilik 42 plot tanah milik persendirian di Kuala Lumpur memohon proses perubahan kepada zon guna tanah, kepadatan penduduk dan nisbah plot terhadap Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL2020).

Mengenai 97 transaksi penjualan tanah DBKL katanya, secara keseluruhan transaksi pelupusan tanah berlaku sebelum 2020 dan tidak membabitkan keputusan Annuar.

"Akta Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1982 (Akta 267) memperuntukkan bagi pemilik untuk mengubah zon guna tanah, kepadatan penduduk dan nisbah plot dalam Pelan Tempatan (PBRKL2020) diwartakan.

"Ia selaras dengan peruntukan Seksyen 17 Akta 267. Daripada 42 plot terbabit, tiga permohonan perubahan diwartakan, enam dalam proses pewartaan, manakala 33 masih dalam pertimbangan.

"Semua proses ini mengikut peruntukan termaktub dalam akta sedia ada," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Kenyataan itu mengulas dak-

waan Ahli Parlimen Cheras, Tan Kok Wai mengenai 42 plot tanah DBKL sudah terjual dalam tempoh lapan bulan Annuar berkhidmat sebagai Menteri Wilayah Persekutuan.

Sementara itu, pada sidang media semalam, Annuar berkata, dakwaan Kok Wai itu fitnah dan tuduhan berat.

Justeru, katanya, peguamnya sudah diarahkan untuk segera mengambil tindakan perundangan.

Katanya, langkah sedemikian perlu dilakukan kerana tuduhan, kononnya DBKL terbabit dengan transaksi penjualan 42 plot tanah mencetuskan pelbagai kekeliruan dan kritikan dalam kalangan masyarakat.

"Saya ingin tegaskan, sehingga saat ini, tiada satu pun permohonan daripada DBKL sampai kepada saya, untuk menjual aset atau tanah oleh DBKL.

"Cukup kecewa apabila persoalan sebegini sepatutnya boleh ditimbulkan dalam dewan (rakyat) dan boleh berikan jawapan atau pencerahan.

"Tetapi disebabkan ia diutarakan di luar Parlimen, maka ia tertakluk kepada undang-undang tertentu dan saya sudah arahkan peguam untuk ambil tindakan undang-undang mengikut jalur dan proses sedia ada," katanya pada sidang media di Parlimen.

Ditanya tiga notis dikeluarkan



Annuar pada sidang media di Parlimen, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

DBKL mengenai perubahan Pelan Bandar Kuala Lumpur (KL) 2020, Annuar menjelaskan semua 42 plot tanah yang terbabit dalam proses itu adalah milik persendirian.

"Dalam undang-undang dan akta, tuan tanah boleh mengumukakan permohonan bagi mengubah Pelan Bandar KL 2020 kerana tanah mereka termasuk dalam zon yang berbeza dengan niat atau kadar plot tertentu.

"Mereka pertamanya perlu kemukakan permohonan, manakala DBKL bertanggungjawab melaksanakan proses yang agak

panjang, termasuk keluarkan notis, menjemput pendengaran awam dan ketengahkan ia kepada jawatankuasa tertentu untuk kelulusan menteri.

"Itu proses termaktub dalam akta itu, jadi tiada salah dalam hal berkenaan, kerana DBKL bertanggungjawab berikutan ia hak rakyat dan tuan tanah.

"Oleh itu, mungkin wujud kekeliruan di sini. Apabila berlaku perubahan, mereka ingat tanah berkenaan dijual, walhal ia bukan sedemikian kerana perkara ini tidak boleh dibuat sesuka hati," katanya.